

U B228 AAB

MAHATHIR - EKONOMI

(EMBARGO- UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

-----

DARIPADA AHMAD REJAL ARBEE

(I)

NEW YORK, 29 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYALAHKAN NEGARA-NEGARA KAYA KERANA BERLAKUNYA KRISIS EKONOMI YANG DIHADAPI SEKARANG OLEH SEMUA NEGARA MEMBANGUN.

PERDANA MENTERI BERKATA TINDAKAN NEGARA-NEGARA KAYALAH YANG MENGAKIBATKAN KRISIS EKONOMI YANG BELUM PERNAH DIALAMI DAHULU.

BEBAN HUTANG NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEKARANG PALING TINGGI, SEDANGKAN SYARAT-SYARAT PERDAGANGAN PULA SEMAKIN TERUK, KATANYA SEMASA BERUCAP PADA SESI KE-41 PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU DI SINI HARI INI.

SAMBIL MEMBERI CONTOH HUTANG NEGARA DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA APABILA TUJUH NEGARA KAYA MENGHADAPI KETIDAKSEIMBANGAN DAGANGAN, CARA MEREKA MENYELESAIKAN MASALAH INI IALAH MEMAKSA PENILAIAN SEMULA MATAWANG YEN JEPUN DAN DEUTSCHMARK JERMAN.

KATANYA, BANYAK NEGARA DI ASIA TENGGARA MEMINJAM SEJUMLAH BESAR YEN DAN PENILIAN SEMULA MATAWANG ITU SAHAJA MISALNYA TELAH MENAMBAH HUTANG JEPUN KEPADA MALAYSIA SEBANYAK 60 PERATUS. -- LAGI.

1550MST 29 09 86

U B229 AAB

MAHATHIR - EKONOMI 2 NEW YORK (EMBARGO)

(I)

JIKA MASALAHNYA IMPORT JEPUN YANG BERLAMBAK DI PASARAN AMERIKA UTARA DAN EROPAH, MAKA NEGARA-NEGARA MISKIN TIDAK AKAN MENGALAMI KESAN YANG BURUK SEKIRANYA CUKAI IMPORT YANG TINGGI DIKENAKAN.

+SEBALIKNYA, PENILAIAN SEMULA YEN YANG MENGAKIBATKAN EKONOMI KITA HURUHARA TIDAK PULA DAPAT MENGHADKAN IMPORT BARANG-BARANG JEPUN KE PASARAN AMERIKA UTARA ATAUPUN EROPAH.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN BERGANTUNG PENUH KEPADA EKSPORT KOMODITI UNTUK TUKARAN WANG ASING TETAPI SEKARANG SEMUA KOMODITI MENGALAMI KEMEROSOTAN HARGA YANG PALING RENDAH.

BELIAU BERKATA KEADAAN INI DISEBABKAN OLEH LONGGOKAN AKIBAT PENGGUNAAN BARANG-BARANG GANTIAN YANG LEBIH MURAH DAN DISUBSIDI PENGELUARANNYA DAN JUGA JUALAN KOMODITI OLEH NEGARA-NEGARA KAYA.

NEGARA-NEGARA MISKIN TIDAK MAMPU MEMBERI SUBSIDI HINGGA KE PERINGKAT YANG TERMAMPU OLEH NEGARA-NEGARA KAYA DAN DENGAN ITU MEREKA KEHILANGAN SEMUA PASARAN TRADISI MEREKA. -- LAGI.

1552MST 29 09 86

U DZJU AAB  
MAHATHIR - EKONOMI 3 NEW YORK (EMBARGO)

(I)

KATANYA, PADA MASA LEPAS SYARAT-SYARAT PERDAGANGAN IALAH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TERPAKSA MENJUAL SEMAKIN BANYAK KOMODITI UNTUK MEMBAYAR HARGA BARANG-BARANG PEMBUATAN YANG SEMAKIN SEDIKIT HARI DEMI HARI.

TETAPI SEKARANG, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TIDAK PULA DAPAT MENJUAL LEBIH BANYAK KOMODITI UNTUK MEMBAYAR BARANG-BARANG PEMBUATAN YANG LEBIH MAHAL HARGANYA.

KERAJAAN-KERAJAAN JUGA MENDAPATI SUKAR UNTUK MEMPEROLEHI TUKARAN ASING YANG MENCUKUPI UNTUK MEMBAYAR HUTANG.

+ KEJATUHAN HARGA KOMODITI MENGAKIBATKAN BANYAK KESAN DENGAN SEMUA KEGIATAN EKONOMI BERJALAN LEMBAB ATAU TERPAKSA DIHENTIKAN. SEPERTI BIASA PADA WAKTU SEPERTI INILAH MEREKA YANG MEMBERI HUTANG MENCARI MANGSA.

+ JADI BAGAIMANAKAH DAPAT KITA DENGAN IKHLAS MENYATAKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA KAYA YANG MAJU TIDAK BOLEH DIPERSALAHKAN ATAS PENDERITAAN EKONOMI YANG KITA TANGGUNG? BAGAIMANAKAH DAPAT KITA MENGANGGAP YANG LAIN SELAIN DARIPADA KEBIMBANGAN MESYUARAT-MESYUARAT TUJUH NEGARA KAYA PADA MASA DEPAN? -- LAGI

1607MST 29 09 86

MAHATHIR - EKONOMI 4 NEW YORK (EMBARGO)

(I)

BELIAU JUGA MENGGESA DITUBUHKAN SISTEM KEWANGAN YANG BARU SEKIRANYA MASALAH NEGARA-NEGARA PENGHUTANG DAN NEGARA-NEGARA YANG MEMBERI HUTANG HENDAK DISELESAIKAN.

SISTEM KEWANGAN ANTARABANGSA YANG ADA SEKARANG TIDAK MENCUKUPI KERANA NEGARA-NEGARA BERDAULAT TIDAK LAGI BERKUASA KE ATAS MATAWANG SENDIRI.

+MEREKA YANG MEMBUAT SPEKULASI TERMASUK BANK-BANK BOLEH MENAIK ATAU MENURUNKAN MATAWANG DENGAN SEWENANG-WENANG. SESUNGGUHNYA, DAGANGAN DALAM BARANGAN KINI TELAH DIGANTIKAN DENGAN DAGANGAN DALAM MATAWANG.+

NEGARA-NEGARA YANG MEMBERI HUTANG HENDAKLAH MEMBANTU MENINGKATKAN KADAR PERTUMBUHAN DI NEGARA-NEGARA YANG BERHUTANG.

SEPATUTNYA MESTILAH ADA PENGURANGAN KADAR FAEDAH, KESTABILAN KADAR TUKARAN ASING, PENGURANGAN DEFISIT BELANJAWAN, PEMULIHAN YANG DIRANCANGKAN DI NEGARA-NEGARA MAJU YANG UTAMA DAN PENINGKATAN KEMASUKAN DI PASARAN UNTUK EKSPORT NEGARA-NEGARA MEMBANGUN. -- LAGI.

1609MST 29 09 86

D137

B B241 AAB

MAHATHIR - EKONOMI 5 NEW YORK (EMBARGO)

(I)

INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN ANTARABANGSA HENDAKLAH MEMBERI PERUNTUKAN UNTUK MENAMPUNG KEPERLUAN JANGKA PANJANG PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI SAMPING PEMBIAYAAN JANGKA PENDEK.

MALAYSIA, KATANYA, BARU-BARU INI TELAH MENGAMBIL DAYAUSAHA UNTUK MENGGALAKKAN KERJASAMA EKONOMI DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DENGAN MENJADI TUAN RUMAH KEPADA PERSIDANGAN ANTARABANGSA SELATAN-SELATAN YANG KEDUA DAN DI PERSIDANGAN ITU DIRASAKAN NEGARA-NEGARA KAYA BERTUJUH TIDAK HARUS MEMPUNYAI HAK ISTIMEWA UNTUK MENONJOLKAN CARA PENYELESAIAN MEREKA TERHADAP MASALAH EKONOMI DUNIA.

BELIAU BERHARAP NEGARA-NEGARA ANGGOTA AKAN MEMBANTU SURUHANJAYA BEBAS SELATAN YANG DITUBUHKAN EKORAN PERSIDANGAN ITU.

BELIAU BERKATA MALAYSIA, JUGA MENYERTAI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN MENGGESA NEGARA-NEGARA MAJU MEMBERIKAN PERHATIAN YANG WAJAR KEPADA PELBAGAI ISU YANG DIHADAPAI OLEH EKONOMI ANTARABANGSA UNTUK MEMASTIKAN PERTUMBUHAN YANG STABIL EKONOMI ANTARABANGSA, JUGA UNTUK MENINGKATKAN SISTEM DAGANGAN DAN KEWANGAN ANTARABANGSA YANG DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN SEMUA NEGARA. -- BERNAMA.

1634MST 29 09 86